

IKLAN PERJAWATAN

MAKLUMAT PERJAWATAN	
SKIM PERKHIDMATAN	JURUTERA (PENGKHUSUSAN BIDANG KEJURUTERAAN AWAM)
GRED	J9
KUMPULAN PERKHIDMATAN	PENGURUSAN & PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	KONTRAK
JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM	RM 2,250.00 – RM 11,110.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	RM 225.00

1. SYARAT LANTIKAN

Kelayakan Masuk : (a) (i) **Ijazah Sarjana Muda** Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

DAN

(ii) berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia
(Gaji Permulaan RM 2,690.00);

DAN

Syarat Bahasa : **Kepujian Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera Gred JA5, JA6, JA7 atau JA8 dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB5, AB6, AB7 atau AB8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a)
 - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (a); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

- (b) had umur pelantikan :
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

3. RINGKASAN TUGAS (UMUM)

Bertanggungjawab merancang dan menyelaras aktiviti pembangunan serta penyenggaraan aset universiti yang berkaitan dalam bidang kejuruteraan awam. Mengurus aktiviti peningkatan mutu perkhidmatan kejuruteraan, projek-projek khas dan urusan pentadbiran am pejabat.